



26 SEP, 2024

JKDM Pahang rampas minuman keras RM855k

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2



SERAMAI 14 individu ditahan bagi membantu siasatan bagi rampasan minuman keras dari 1 Januari hingga 4 September lalu.

JKDM Pahang rampas minuman keras RM855k

Kuantan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang merampas minuman keras seludup pelbagai jenama bernilai RM855,957 antara 1 Januari hingga 4 September lalu.

Pengarahnya, Mohd Asri Seman berkata, rampasan minuman keras itu berjumlah 13,557 liter dengan nilai RM217,741 manakala RM638,216 membabitkan nilai cukai dan duti.

Katanya, sepanjang tempoh itu JKDM membuka 25 kertas siasatan dan menahan 14 individu bagi membantu siasatan, termasuk tiga daripadanya sudah dituduh di mahkamah.

"Semua suspek termasuk warga asing berusia antara 20-an dan 40-an. Seorang daripadanya sudah dijatuhkan hukuman," katanya pada sidang media di Wisma Kastam Jalan Bank, di sini, semalam.

Mohd Asri berkata, rampasan itu termasuk serbuan di sebuah gudang di daerah ini membabitkan jumlah 1,671.84 liter minuman keras dengan nilai RM11,702 manakala RM23,238 membabitkan cukai dan duti pada 4 September lalu.

Katanya, ketika serbuan, tiada tangkapan dilakukan dan pihaknya masih mengesan pemilik gudang untuk tindakan lanjut.

"Maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan boleh disalurkan di talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam dan JKDM memberi jaminan identity setiap pemberi maklumat dirahsiakan"

Pengarah JKDM Pahang, Mohd Asri Seman

"Kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967 dan Seksyen 74(1)(c) Akta Eksais 1976.

"Susulan kes ini, sindiket menggunakan premis perniagaan, kediaman, kenderaan persendirian untuk edar minuman keras.

"Sehubungan itu, orang ramai diharap membantu JKDM untuk membanteras jenayah penyeludupan minuman keras, rokok, dadah dan kenderaan.

"Maklumat berkaitan aktiviti penyeludupan boleh disalurkan di talian bebas tol kastam 1-800-88-8855 atau pejabat kastam dan JKDM memberi jaminan identity setiap pemberi maklumat dirahsiakan," katanya.



MOHD Asri (kiri) menunjukkan minuman keras yang dirampas.



26 SEP, 2024

JKDM Pahang rampas minuman keras RM855k

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

SERAMAI 14 individu ditahan bagi membantu siasatan bagi rampasan minuman keras dari 1 Januari hingga 4 September lalu.

Kuantan: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Pahang merampas minuman keras seludup pelbagai jenama bernilai RM855,957 antara 1 Januari hingga 4 September lalu. Pengarahnya, Mohd Asri Seman berkata, rampasan minuman keras itu berjumlah 13,557 liter dengan nilai RM217,741 manakala RM638,216 membabitkan nilai cukai dan duti.